



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
BILANGAN : IKLAN 26/04/18**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**JURULATIH KANAK-KANAK (C.1-2 EB.3)  
JABATAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.



### Senarai semak sebelum memohon jawatan kosong dalam Bahagian III

Untuk mengelakkan permohonan awda ditolak, sila pastikan maklumat-maklumat berikut hendaklah **lengkap dan di muat naik** ke dalam Profil awda sebelum menekan butang **'Apply'**;

- ✓ Kad pengenalan dan Lesen Memandu (jika berkenaan).

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">Kad Pengenalan.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">Lesen Memandu.pdf</a>

- ✓ **SIJIL** Higher National Diploma/Advanced Diploma/ Degree (Diploma Tertinggi Kebangsaan/Diploma Lanjutan/ Ijazah Sarjana Muda) serta **KELULUSAN TRANSKRIP** dan **PENGESAHAN PENGIKTIRAFAN** kelulusan (MKPK) bagi kelulusan Institusi Pengajian Swasta dan Institusi dari luar negeri.

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">PHD.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">MASTER.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">DEGREE.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">HND.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">HNC.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">ND.pdf</a>



- Bagi pemohon yang memenuhi syarat pengalaman sahaja, memastikan mempunyai pengalaman sebagaimana kehendak skim.
  
- Bagi pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan pastikan di dalam profil awda terdapat ruangan "Current Government Employee"/"Warga Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam". Jika sekiranya tidak ada, pemohon hendaklah memaklumkan kepada POC (Kementerian/Jabatan) dan seterusnya POC (Kementerian /Jabatan) akan memaklumkan kepada POC (SPA).


## My Profile

### Working Experience

Public and Ex-Government Employee +

Current Government Employee -

	Start Date	To Date	Name And Address of Employer
	01/02/2015		PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office
	01/02/2015	31/01/2016	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office
	01/02/2014	31/01/2015	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office



**1. JURULATIH KANAK-KANAK  
JABATAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN  
C.1-2 EB.3 (\$1,280 - \$2,270 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. i) Mempunyai Sijil Tertinggi Kebangsaan (ND) dalam bidang Seni Kreatif / Penulisan Kreatif / ICT / Kepustakawanan / *Performing Arts* / Sastera atau dalam bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang tersebut atau bidang bersesuaian adalah satu kelebihan.

**ATAU**

- ii) Telah berkhidmat di Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tanggagaji D.3 tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tanggagaji D.1 tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- iii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tanggagaji D.3 tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tanggagaji D.1 tidak kurang dari 6 tahun.

2. Berminat dan berpengalaman luas dalam kegiatan latihan dan persembahan kebudayaan khususnya yang melibatkan golongan belia dan kanak-kanak adalah kelebihan.
3. Berkebolehan dan kreatif dalam mengubah lagu, bercerita, berlakon, menari dan menyanyi.
4. Mahir bermain mana-mana alat muzik adalah kelebihan.



#### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Mengetuai satu cawangan atau menyelia beberapa unit kecil dan membantu Ketua merancang projek Bahagian dan menyediakan kertas kerja mengenainya.
2. Membantu menyediakan Laporan Cawangan/Unit dan Anggaran Perbelanjaan Tahunan untuk Bahagian.
3. Mereka bentuk, menyelidik, menyediakan bahan-bahan dan merancang untuk menjalankan bengkel atau sesi latihan.
4. Merangka, merancang dan menjalankan aktiviti untuk kanak-kanak dan remaja sepanjang tahun.
5. Memberikan khidmat nasihat, bantuan dan konsultasi bagi program-program yang disediakan untuk kanak-kanak dan remaja.
6. Merancang dan menyediakan aktiviti yang membantu golongan muda mengembangkan kreativiti, minat dan bakat mereka.
7. Terlibat dalam inisiatif latihan kolaboratif dengan agensi lain.
8. Terlibat dalam aktiviti dan kegiatan perpustakaan.
9. Ketua persembahan setiap aktiviti perpustakaan.
10. Bertugas di mana-mana cawangan perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka.
11. Bertugas di kaunter perpustakaan mengikut jadual.